

Headline	Lelaki maut kereta dipandu rempuh pokok		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,858
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,575



## Lelaki maut kereta dipandu rempuh pokok

**GOMBAK** - Seorang lelaki maut selepas kereta dipandunya terbabas dan merempuh sebatang pokok dalam kejadian berhampiran kawasan lampu isyarat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di

sini semalam.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarawe berkata, dalam kejadian kira-kira jam 7 pagi itu, mangsa berusia 31 tahun terbabat disahkan meninggal du-

nia di lokasi kejadian susulan kecederaan parah dialaminya.

“Siasatan awal mendapati mangsa yang memandu kereta jenis Toyota Vios itu dari arah Selayang menghala ke Kepong.

“Mangsa dipercayai menekan brek sehingga hilang kawalan sebelum terbabas ke bahu kiri jalan lalu merempuh sebatang pokok,” katanya.

Arifai berkata, mayat mangsa juga telah dikeluarkan dari kenderaan terbabat hasil bantuan anggota bomba.

“Mayat mangsa telah dihantar ke Hospital Selayang bagi tujuan menjalani proses bedah siasat.

“Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987,” katanya.



**Keadaan kereta Toyota Vios dipandu mangsa remuk selepas merempuh sebatang pokok dalam kemalangan berhampiran kawasan lampu isyarat FRIM di Gombak semalam.**